

16 NOV 2000

DR MAHATHIR KEMBALI DARI BANDAR SERI BEGAWAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali hari ini selepas menghadiri sidang kemuncak pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bandar Seri Begawan, Brunei.

Jet eksekutif yang membawa Dr Mahathir mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pukul 10 malam.

Di Bandar Seri Begawan, Dr Mahathir mengadakan rundingan dua hala dengan beberapa pemimpin dunia termasuk Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden China Jiang Zemin.

Yang turut berada di lapangan terbang menyambut Perdana Menteri ialah Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA  
MHI RZS FAZ